

17/04/1997

Agong ucap tahniah kepada Presiden Syria

KUALA LUMPUR, Rabu - Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah mengutuskan perutusan tahniah kepada Presiden Syria Hafiz Al-Assad sempena ulang tahun kemerdekaan negara itu.

Menurut kenyataan Wisma Putra, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menyampaikan perutusan serupa kepada Perdana Menteri Syria, Mahmoud Al-Zou'Bi.

Dalam perutusannya, Dr Mahathir berharap akan terus bekerjasama dengan pemimpin negara itu di samping mengeratkan lagi hubungan dua hala.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi juga menghantar perutusan serupa kepada rakan sejawatannya, Farouk Al-Shara'. - Bernama

(END)